

# Tesco bina rumah mangsa banjir

## TESCO

**PETALING JAYA** - Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd. (Tesco Malaysia) komited untuk membina lapan buah kediaman mangsa banjir yang layak di Kelantan menerusi penganjuran fasa kedua Projek Shelter.

Ketua Pegawai Eksekutif Tesco Malaysia, Datuk Georg Fischer berkata, pembinaan dan penyediaan kelengkapan kediaman tersebut akan melibatkan anggaran kos RM500,000 yang akan dibiayai menerusi sumbangan daripada umum



**FADLI** melihat model rekaan rumah yang direkanya untuk mangsa banjir di Petaling Jaya semalam.

di kesemua 52 rangkaian pasar raya besar Tesco di seluruh negara.

"Selain itu, kutipan dana

turut melibatkan sumbangan daripada pembekal dan rakan niaga kami serta dari kami sendiri (Tesco

Malaysia) dan Tesco Plc. di United Kingdom.

"Rumah-rumah ini akan dibina di sekitar daerah Sungai Pinang yang telah direka oleh Pensyarah Universiti Islam Malaysia dan arkitek yang telah memenangi anugerah, Fadli Arabi," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Minum Petang Penghargaan Bantuan Banjir Tesco Malaysia di sini semalam.

Fischer menjelaskan, rumah-rumah yang akan dibina dalam program berkenaan akan menggunakan konsep sistem modular, mematuhi syariah dan memenuhi prinsip seni bina Islam.